

PENGLIBATAN BELIA DALAM PENGURUSAN TERTINGGI KOPERASI

Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Aishah Ariffin,
*Shamsul Khairi Abu Hassan, Rosidah Rashid, Mohd Fitri Ab Rahman,
Mohamad Haniff Mohamad Hashim, Nazirah Baharudin

Maktab Koperasi Malaysia

ABSTRAK

Belia merupakan pelapis masa hadapan yang disifatkan sebagai aset negara yang mempunyai semangat tinggi serta penentu kejayaan program dan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi dan isu-isu serta cabaran yang mereka hadapi. Kajian ini melibatkan 300 responden terdiri daripada mereka yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang merupakan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) atau kakitangan yang terlibat dalam pengurusan tertinggi koperasi di semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah analisis yang digunakan adalah deskriptif, kolerasi dan regrasi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam jawatan utama (Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) koperasi adalah rendah. Minat merupakan faktor utama mendorong belia menyertai koperasi. Manakala, kepimpinan merupakan faktor paling mempengaruhi penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi. Antara isu utama dalam pengurusan tertinggi koperasi yang dihadapi belia ialah kerjasama, perancangan aktiviti dan pengetahuan tentang koperasi. Manakala, kekangan masa dan keyakinan masyarakat pula, menjadi cabaran utama dalam pengurusan tertinggi koperasi.

Kata Kunci: *Pengurusan Koperasi, Penglibatan Belia, Faktor Pendorong*

*E-mel Penulis: khairi@mkmm.edu.my

LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia menggunakan kriteria usia untuk menentukan belia. Kerajaan Malaysia mendefinisikan belia yang berusia antara 15 - 40 tahun. Majlis Belia Malaysia, badan payung organisasi belia juga menggunakan kriteria usia 15 - 40 untuk menentukan kategori belia. Sekitar 46 peratus daripada penduduk negara ini berada dalam kategori umur 15 - 40 tahun dan dikelaskan sebagai belia (Jabatan Perangkaan, 2015). Dalam konteks perancangan pembangunan belia, belia Malaysia dibahagikan kepada dua segmen: 15 hingga 25 tahun untuk pembangunan belia yang asas seperti pembinaan watak dan pembangunan nilai, kemahiran dan kecekapan profesional dan vokasional; dan segmen 26 hingga 40 tahun, yang terutama disasarkan untuk inisiatif dan pengalaman pembangunan kepimpinan (Kwan Meng, 2012; Hamzah, 2005).

Koperasi mempunyai matlamat sosial dan ekonomi. Prinsip koperasi menekankan peranan koperasi dalam masyarakat. Penglibatan belia dalam gerakan koperasi bukan sahaja menambah dorongan baru ke seluruh gerakan tetapi juga membahas salah satu isu mendesak dalam gerakan koperasi iaitu keanggotaan dan kepimpinan. Terdapat keperluan terhadap koperasi berusaha untuk merekrut anggota belia ke dalam koperasi, supaya mempunyai pengganti berpotensi dan dipersiapkan untuk mengambil alih peranan kepimpinan dari pemimpin mereka sekarang sebagai pengganti kepada koperasi masing-masing supaya ada kesinambungan dan kekuatan koperasi.

Gerakan koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1922 dengan penubuhan koperasi kredit di negara ini oleh koloni British. Bagaimanapun, koperasi pada hari ini tidak terhad menjalankan aktiviti kredit sahaja malah mempunyai pelbagai aktiviti (Hayati, 2008). Koperasi kredit bagaimanapun tetap menjadi tulang belakang kepada gerakan koperasi. Sehingga 2016, terdapat 13,428 buah koperasi di negara ini dengan keanggotaan 7.1 juta orang, modal saham terkumpul RM13.9 bilion dan aset bernilai RM130.7 bilion. Daripada jumlah ini, 2,376 buah adalah koperasi sekolah (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2016). Koperasi mempunyai lebih daripada 5 juta anggota merangkumi kira-kira 46% daripada penduduk negara yang berusia 20 tahun ke atas tidak termasuk koperasi sekolah.

Penglibatan belia dalam koperasi juga sangat penting kerana mereka adalah pemimpin pelapis untuk gerakan koperasi pada masa akan datang. Sekiranya gerakan koperasi tidak menyediakan rancangan untuk mewujudkan pemimpin pelapis pada hari ini, gerakan koperasi akan menghadapi masalah ketandusan pemimpin untuk memenuhi misi dan visi koperasi pada masa hadapan. Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang memimpin koperasi berumur 40 tahun ke atas. Ini menunjukkan penglibatan belia dalam gerakan koperasi sangat kurang.

Oleh itu, secara realitinya koperasi dikendalikan oleh anggota veteran dengan gaya pengurusan, idea-idea dan nilai-nilai yang tidak bersesuaian dengan cita rasa belia pada hari ini. Kegiatan koperasi dan gaya pengurusan yang tidak sepadan dengan keperluan dan aspirasi belia antara faktor penyumbang kepada kurangnya penglibatan golongan belia dalam gerakan koperasi. Menurut Mansor (2012), gerakan koperasi perlu diberi perhatian untuk membentuk generasi pemimpin koperasi bagi memastikan kesinambungan koperasi sebagai entiti yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk meningkatkan pembangunan komuniti dan sosio-ekonomi agar dapat terus maju dan mencapai matlamatnya.

Golongan belia merupakan tunjang utama kepada pembangunan sesebuah negara. Koperasi pula berperanan melibatkan golongan belia sebagai agen pembangunan ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Matlamat ini terlaksana sekiranya anggota koperasi mengambil langkah proaktif dengan mengembangkan aktiviti perniagaan melalui penglibatan secara lebih aktif dalam mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan keusahawanan mereka. Seiring dengan peredaran masa, koperasi perlu bertindak pantas dan proaktif dalam merebut peluang-peluang perniagaan walaupun perlu bersaing sesama sendiri atau dengan sektor swasta untuk terus relevan dan kekal dalam dunia perniagaan (Ali Hanafiah Daud, 2012). Di samping itu, peranan belia tidak boleh dinafikan kerana tanpa penglibatan belia akan melemahkan koperasi. Justeru, aspirasi, minda dan pandangan mereka perlu ditransformasikan sejajar dengan nilai dan prinsip koperasi (Mohamad Jaapar Muhyat, 2012).

Dalam memberi nafas baru kepada gerakan koperasi di Malaysia, penglibatan belia adalah sangat signifikan bagi memastikan kekuatan sesebuah koperasi dapat diperkukuhkan dan berkesinambungan. Belia mempunyai peranan yang besar dalam menentukan hala tuju sesebuah koperasi kerana golongan ini diakui memiliki sifat berani bersuara dalam melontarkan idea-idea bernas mengenai sesuatu perkara.


OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk:

1. Mengetahui profil belia dalam pengurusan tertinggi koperasi.
2. Mengetahui faktor pendorong belia menyertai koperasi
3. Mengetahui hubungan signifikan antara faktor pendorong dengan penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi

KERANGKA KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, setelah mengambil kira pelbagai faktor yang mendorong penglibatan belia dalam koperasi, hanya lima faktor pemboleh ubah tidak bersandar sahaja yang dikaji iaitu pengetahuan, kepimpinan, minat, ganjaran dan dorongan. Pemboleh ubah bersandar pula ialah penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi.



Rajah 1: Hubungkait antara Faktor-faktor Pendorong Penglibatan Belia dalam Pengurusan Tertinggi Koperasi

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Bagi tujuan kajian ini, pengumpulan data menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Ia melibatkan 3 bahagian iaitu profil responden, faktor-faktor pendorong penglibatan belia dalam koperasi dan isu, cabaran dan cadangan oleh belia. Responden bagi kajian ini ialah belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang menjawat jawatan di koperasi sebagai ALK atau eksekutif/pengurus.

Antara kelebihan data primer adalah maklumat yang lengkap dapat diperolehi kerana penyelidik mengumpul data sendiri, menggunakan borang soal selidik, wawancara dan pemerhatian langsung. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif statistik (bilangan, peratus dan min skor) dan analisis inferential statistik (korelasi *Pearson* dan regrasi berganda). Analisis korelasi digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linier antara dua pemboleh ubah.

HASIL KAJIAN

Profil Demografi

Jadual 1 menunjukkan profil demografi sebanyak 300 responden yang terdiri daripada 110 (36.6%) lelaki dan 190 (63.4%) wanita dari kalangan belia yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Umur responden tertinggi adalah dalam tempoh 31-35 tahun (31%). Ini diikuti oleh 26-30 tahun (30.3%), 36-40 tahun (26%) dan 21-25 tahun (12.6%). Majoriti responden adalah Pengurus 181 orang (60.3%). Selebihnya, mereka adalah ALK 119 orang (39.7%). Ia juga mendapati bahawa Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari hanyalah 39 (13%) daripada jumlah responden.

Jadual 1: Profil Demografi

Pemboleh Ubah		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	110	36.6
	Perempuan	190	62.4
Umur	21-25	38	12.6
	26-30	91	30.4
	31-35	92	31.0
	36-40	78	26.0
Jawatan	Pengerusi	7	2.3
	Setiausaha	23	7.7
	Bendahari	9	3.0
	ALK	80	26.7
	Pengurus	181	60.3

Faktor-faktor yang Mendorong Penyertaan dalam Koperasi

Jadual 2 menunjukkan skor min faktor yang mendorong penyertaan belia dalam koperasi mengikut jawatan. Di antara faktor-faktor ini, faktor minat menunjukkan skor min tertinggi bagi kedua-dua jawatan. Sementara itu, faktor kepimpinan mendapat skor min yang paling rendah untuk ALK dan pengetahuan mendapat skor min terendah bagi Pengurus.

Jadual 2 : Min Skor Faktor Pendorong Belia Menyertai Koperasi mengikut Jawatan

Faktor	ALK	Pengurus
Minat	4.01	3.85
Ganjaran	3.79	3.80
Dorongan	3.60	3.63
Pengetahuan	3.65	3.57
Kepimpinan	3.59	3.70

Faktor Pendorong Penglibatan Belia dalam Pengurusan Tertinggi Koperasi

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis korelasi di antara lima faktor pendorong dengan penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi. Faktor kepimpinan adalah faktor yang paling mempengaruhi penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi dan diikuti oleh faktor minat.

Jadual 3 : Analisis Korelasi antara Faktor Pendorong

		Pengetahuan	Minat	Ganjaran	Dorongan	Kepimpinan	Penglibatan
Pengetahuan	Pearson Correlation	1					
	Sig. (2-tailed)						
	N						
Minat	Pearson Correlation	.452**	1				
	Sig. (2-tailed)	.000					
	N	300					
Ganjaran	Pearson Correlation	.402**	.663**	1			
	Sig. (2-tailed)	.000	.000				
	N	300	300				
Dorongan	Pearson Correlation	.453**	.642**	.638**	1		
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000			
	N	300	300	300			
Kepimpinan	Pearson Correlation	.595**	.653**	.555**	.507**	1	
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000		
	N	300	300	300	300		
Penglibatan	Pearson Correlation	.384**	.457**	.354**	.421**	.547**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	
	N	300	300	300	300	300	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Sebagai kesimpulan, berdasarkan sampel kajian, majoriti belia (60.3%) di koperasi memegang jawatan sebagai Pengurus Koperasi. Selebihnya, didapati 39.7% daripada jumlah responden memegang jawatan ALK. Daripada lima faktor pendorong, faktor minat merupakan faktor utama yang mendorong belia menyertai koperasi. Manakala, didapati apabila mereka berada dalam koperasi, faktor kepimpinan merupakan faktor yang paling mempengaruhi penglibatan dalam pengurusan tertinggi koperasi.

Faktor penglibatan mempunyai lima komponen. Secara purata (median) majoriti dalam kalangan responden mempunyai penglibatan yang tinggi (median =4.00) untuk menyertai dan terlibat secara aktif dalam aktiviti koperasi. Nilai min skor ialah sederhana iaitu antara 3.37 (Saya terlibat dalam membuat keputusan) dan 3.68 (Saya terlibat secara aktif dalam semua aktiviti koperasi).

Jadual 4 : Penglibatan Belia dalam Pengurusan Tertinggi Koperasi

Item	Min
Saya terlibat secara aktif dalam semua aktiviti koperasi	3.68
Saya menghadiri mesyuarat ALK/Pengurusan	3.59
Saya terlibat dalam merancang aktiviti perniagaan koperasi	3.55
Saya terlibat dalam Jawatankuasa Kecil Koperasi	3.43
Saya terlibat dalam membuat keputusan	3.37
Min Skor Keseluruhan	3.52

Penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi berada pada tahap sederhana sebagai perancang, pelaksana dan pembuat keputusan. Ini menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi masih kurang. Justeru, koperasi perlu memberi peluang dan galakan kepada belia agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih signifikan. Dalam masa yang sama, belia itu sendiri perlu bersikap proaktif untuk merebut peluang melibatkan diri dalam pengurusan tertinggi koperasi.

KESIMPULAN

Daripada hasil dapatan kajian, didapati kurangnya motivasi untuk belia menyertai koperasi. Daripada kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan belia masih kurang dalam pengurusan tertinggi koperasi. Pada masa ini, belia banyak memainkan peranan sebagai anggota biasa. Bagi menggalakkan penyertaan belia dan meningkatkan penglibatan mereka dalam pengurusan tertinggi koperasi, imej dan aktiviti koperasi perlu ditambahbaik untuk menarik minat mereka.

Secara umum, penglibatan belia adalah penting untuk pembangunan dan kemapanan gerakan koperasi. Koperasi perlu menambah aktiviti yang dapat menarik belia menjadi anggota dan dengan itu belia dapat melibatkan diri dalam pengurusan tertinggi koperasi. Penglibatan belia secara aktif di koperasi dapat menjadikan koperasi sebagai pemacu ekonomi untuk anggota dan masyarakat setempat. Kelangsungan hubungan antara veteran dan belia perlu dipertingkatkan supaya mereka mendapat kata sepakat dan saling menghormati dalam membuat keputusan. Dengan cara ini, belia boleh menyumbang lebih banyak idea dalam aktiviti dan tadbir urus koperasi. Kepercayaan harus diberikan kepada belia dalam menguruskan dan mentadbir koperasi supaya kepimpinan boleh diwarisi dan bersedia untuk mentadbir koperasi dengan berintegriti.

RUJUKAN

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

Department of Statistics. (2015). *Social statistics bulletin*. Kuala Lumpur: Department of Statistics

Hamzah, Azimi. (2005). *Helping Malaysian youth move forward: Unleashing the Prime Enablers*. Inaugural Address. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Hayati., MS. Asha'ari., A. Ahmad., FS. Norbiha., K. (2008). *Gerakan koperasi di Malaysia*. Petaling Jaya: Maktab Kerjasama Malaysia.

Kwan Meng, L. (2012). *Influence of mentoring on the learning outcomes of school-based anugerah remaja perdana rakan muda participants.*, (Doctoral dissertation), Universiti Putra Malaysia: Malaysia

Malaysian Institute for Youth Development Research, (2007).

Mansor Ismail (2012). *Pentingnya generasi pelapis dalam koperasi: Kertas kerja dibentangkan di Seminar Sinergi dalam Pembentukan Generasi Baru Koperasi*, Kuching.

Samsudin A.R (2007, September). *Pengurusan pembangunan belia kearah pembentukan generasi 2057*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057, Putrajaya.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2017) *Statistik Tahunan Koperasi*. Selangor: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.